



## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **1. Mengapa terdapat perubahan terhadap Program INSKEN?**

Berdasarkan peningkatan kes COVID-19 di seluruh negara, INSKEN akan membuat perubahan program sebagai sebahagian dari langkah pencegahan kesihatan dan keselamatan. INSKEN juga akan sentiasa mengemaskini kalendar program di platform media sosial dan laman sesawang rasmi.

### **2. Adakah INSKEN akan terus mengadakan latihan-latihan keusahawanan sepanjang tempoh PKPB?**

Ya. Semua latihan dan kelas akan diadakan sepanjang tempoh PKPB yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Manakala mod latihan dan kelas adalah secara atas talian.

### **3. Berapakah bayaran yuran penyertaan INSKEN untuk latihan dan kelas secara atas talian?**

Hanya RM50.00 untuk setiap peserta. Pendaftaran mestilah dibuat secara atas talian melalui laman sesawang rasmi INSKEN. Yuran penyertaan mungkin akan berubah mengikut situasi dan keputusan dari pihak pengurusan INSKEN.

### **4. Apakah program yang terkesan?**

Sehingga 9 Oktober 2020, program-program fizikal yang terkesan dengan perubahan ini adalah:

Program yang ditunda:

- a. INSKEN Business Coaching (IBC) Engagement Session;
- b. Kursus Asas Keusahawanan Social Enterprise (KAK SE) Sabah dan Sarawak;
- c. Special English Enhancement & Development (SEED) Group B, 23-25 Oktober 2020
- d. Accounting Digital Program (ADP) - Group D, 23- 25 Oktober 2020;
- e. Program-program yang akan diadakan di Sabah dan Sarawak.

Pertukaran program fizikal ke atas talian (*Online*):

- a. KAK SE (Zon Tengah: Selangor), 17-18 Oktober 2020;
- b. KAK SE (Zon Selatan: Johor Bahru), 24-25 Oktober 2020;
- c. KAK SE (Zon Utara: Penang), 24-25 Oktober 2020.